

Umat Islam perlu beri sokongan padu

KUALA LUMPUR 31 Mei - Reaksi negatif daripada segelintir umat Islam termasuk pemimpin politik terhadap usaha memperkasakan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah tidak seharusnya berlaku sama sekali.

Profesor Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal berkata, ini memandangkan usaha tersebut adalah sesuatu yang baik dan oleh itu, sokongan padu daripada seluruh umat Islam amat diperlukan.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM berkata, lagi pun Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2015 yang dibentangkan menerusi usul persendirian oleh Ahli Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang Khamis lalu hanyalah bertujuan memperkasakan undang-undang syariah sedia ada.

“Dalam soal ini, saya berharap umat Islam perlu bersatu padu menyokong pembentangan rang undang-undang tersebut bagi melihat mahkamah syariah diperkasa,” katanya selepas Majlis Anugerah Inovasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM dan perasmian Dewan Perdana FSSK, UKM, di Bangi dekat sini.

Perasmian Dewan Perdana FSSK tersebut disempurnakan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Yang turut hadir, Dekan FSSK, Prof. Dr. Hazita Azman.

Sementara itu, Noor Aziah berkata, pada masa sama, masyarakat bukan Islam juga tidak perlu bimbang dengan pembentangan rang undang-undang oleh Abdul Hadi kerana undang-undang syariah hanya terpakai untuk orang Islam.

“Mungkin mereka tersalah faham antara pembentangan pindaan ini dengan pelaksanaan undang-undang hudud tetapi perkara ini hanya melibatkan penambahbaikan akta mahkamah syariah yang sudah lama tidak disemak semula.

“Pihak bertanggungjawab seharusnya memberi kefahaman yang lebih menyeluruh tentang perkara ini supaya tidak timbul isu salah faham yang boleh menggugat keharmonian negara,” katanya.

Dalam pada itu, Noor Azlan berkata, penambahbaikan prasarana dan persekitaran yang kondusif akan terus dilakukan di UKM sejajar dengan usaha mereka menyediakan kemudahan yang selesa dan sempurna untuk warga UKM.

“Secara jujur apabila saya masuk ke dewan ini, saya yakin infrastruktur yang ada di dalam dewan ini setaraf dengan universiti antarabangsa.

“Ada beberapa lagi projek penambahbaikan prasarana yang bakal menyusul di UKM dan saya yakin dalam usaha untuk menjadi universiti terbaik, kita seharusnya menyediakan kemudahan terbaik,” katanya.



NOOR AZIAH